



# U Mobile, Qualcomm, DoctorOnCall bekerjasama sediakan Teleperubatan

SPONSORED CONTENT

Nurshafika Suhaimi



U Mobile dengan kerjasama Qualcomm akan menyediakan perkhidmatan teleperubatan kepada komuniti yang memerlukan dan komuniti B40 di Malaysia - FOTO Hiasan  
Kuala Lumpur: Syarikat telekomunikasi bertumpukan data yang diiktiraf dengan pelbagai anugerah, U Mobile menerima geran daripada inisiatif Qualcomm Wireless Reach, baru-baru ini.

Ia bertujuan membawa teknologi tanpa wayar termaju kepada orang ramai dan komuniti yang paling memerlukannya di Malaysia.

Melalui kerjasama itu juga, U Mobile menggunakan dana diperoleh daripada Qualcomm untuk menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan jarak jauh kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau komuniti B40.

Ini kerana, hampir 7.9 juta individu yang tinggal di kawasan luar bandar di Malaysia berhadapan dengan tahap liputan penjagaan kesihatan yang rendah kerana sukar mendapat akses.

Menurut sumber, sebanyak 8.1 peratus individu dewasa di Malaysia menghidap tiga penyakit utama tidak berjangkit (NCD) iaitu diabetes, hipertensi dan kolesterol tinggi yang merupakan punca utama kematian dan morbiditi dalam kalangan individu dewasa di Malaysia.



Qualcomm  
wireless reach

Justeru itu, Qualcomm Incorporated dan U Mobile akan bekerjasama dengan DoctorOnCall, platform penjagaan kesihatan digital pertama dan terbesar di Malaysia, bagi melaksanakan perkhidmatan teleperubatan bagi rawatan diabetes dan hipertensi.

Kerjasama ketiga-tiga pihak ini menyaksikan inisiatif pengenalan program penjagaan kesihatan yang dikenali sebagai SIHAT (Sistem Integrasi Kehidupan Antara Teknologi) yang dilancarkan pada Januari 2022 selama dua tahun.



Program SIHAT akan memantau dan menguruskan keadaan diabetes dan hipertensi bagi 100 peserta dalam komuniti sasaran menggunakan peranti perubatan yang disambungkan secara wayarless seperti pemantau tekanan darah dan glukometer.

Selain itu, doktor akan menjalankan telekonsultasi video secara langsung dengan pesakit di platform DoctorOnCall.

Bukan itu sahaja, doktor terlibat juga akan menggunakan komputer riba mudah alih kos rendah dan tablet yang dikuasakan oleh platform Snapdragon dengan ketersambungan rangkaian selular bagi memudahkan pesakit dan kakitangan perubatan untuk berkomunikasi dari mana-mana sahaja.

Rangkaian 4G U Mobile yang diiktiraf dengan pelbagai anugerah sudah pasti akan memudahkan perundingan melalui penstriman video serta memastikan pesakit memperoleh perkhidmatan yang terjamin, stabil dan pengalaman positif.

Selain pengurusan penjagaan kesihatan jarak jauh, SIHAT juga akan mengumpul pandangan tentang faedah teleperubatan dan memberikan cadangan tentang cara perkhidmatan boleh dilaksanakan pada skala yang lebih luas.

Pasukan penyelidik Universiti Monash Malaysia akan mengkaji dapatan program dan seterusnya menerbitkan satu kertas penyelidikan.



*Ketua Pegawai Digital U Mobile, Jasmine Lee*

Ketua Pegawai Digital U Mobile, Jasmine Lee berkata, pihak U Mobile berbesar hati menerima geran Wireless Reach kerana dapat membantu rakyat Malaysia B40 menguruskan keadaan kesihatan mereka dari jauh secara lancar, khususnya mereka yang kurang upaya atau menghadapi kesusahan untuk bergerak.

"Sebagai bekas rakan kerjasama kami dalam kes kegunaan 5G sebelum ini, kami berbesar hati sekali lagi dapat menjalin kolaborasi dengan DoctorOnCall untuk inisiatif kali ini.

"U Mobile berbesar hati untuk membangunkan potensi teleperubatan yang tiada had, dengan menjadikan teknologi dan inovasi digital semakin bermakna, mudah diakses dan mampu milik untuk semua," katanya

Sementara itu, Naib Presiden Kejuruteraan, QUALCOMM Communication Technologies Ltd dalam Qualcomm Asia Tenggara, Ehsanul Islam berkata, SIHAT adalah inisiatif U Mobile yang selaras dengan matlamat inisiatif Wireless Reach.

Wireless Reach merupakan inisiatif untuk memanfaatkan teknologi jalur lebar mudah alih termaju untuk membolehkan peranti pusat penjagaan menyediakan akses kepada maklumat, mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan dan memudahkan penjagaan kesihatan jarak jauh.

Bahkan, ia dapat menghubungkan orang ramai kepada penyedia jagaan kesihatan mereka dengan lebih baik walaupun dalam keadaan kekurangan sumber.

"Kami teruja untuk melihat bagaimana program ini akan berjalan, serta hasil pembelajaran daripadanya, seterusnya boleh digunakan untuk membangunkan lagi perkhidmatan penjagaan kesihatan jarak jauh di Malaysia dan memanfaatkan pembelajaran ini secara global," katanya.

Dengan rangkaian 5G yang akan diperluaskan di Malaysia, U Mobile akan terus melakukan lebih banyak inisiatif supaya dapat memanfaatkan 5G kepada semua.

Untuk maklumat lanjut berkenaan program SIHAT, inisiatif terbaharu antara U Mobile dan DoctorOnCall, layari <https://www.doctoroncall.com.my/health-centre/sihat>.

**Disiarkan pada: Mac 31, 2022 @ 6:04pm**